

08 JAN 1999

Ting-Rumah

LANGKAH BANK NEGARA UNTUNGAN GOLONGAN RENDAH

JOHOR BAHRU, 8 Jan (Bernama) -- Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) meminta institusi perbankan supaya tidak membiayai pembangunan unit kediaman dan kedai yang berharga melebihi RM250,000 sebenarnya menguntungkan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan mempunyai banyak pilihan untuk memiliki rumah yang mereka minati berharga bawah RM250,000.

Kebanyakan daripada rakyat di negara ini sebenarnya memerlukan rumah yang berharga bawah RM250,000 dan mereka yang inginkan unit kediaman melebihi kadar itu amat kecil, katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam MCA Bahagian Gelang Patah di Gelang Patah, dekat sini, malam tadi.

Dr Ting berkata beliau optimis keadaan sektor hartanah di negara ini akan berkembang dengan sihat berikutan kerjasama yang baik antara kerajaan dan persatuan pemaju perumahan serta ditambah dengan keyakinan rakyat.

Sebagai contoh, katanya, kempen pemilikan rumah yang sedang dijalankan mendapat sambutan yang amat baik kerana orang ramai sudah yakin dengan perkembangan semasa.

Kempen pemilikan rumah itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis lepas dan akan berakhir 12 Jan ini.

Dr Ting juga berkata kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh kempen itu walaupun ramai yang berpendapat ia perlu dilakukan demi kepentingan pembeli.

"Memadailah untuk satu bulan... jualan khas tidak boleh diadakan sepanjang tahun," dan jualan paling banyak dicatat setakat ini ialah di Lembah Klang dan Selangor, katanya.

Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Johor Baharu juga mencatatkan jualan baik, kata beliau.

-- BERNAMA

MKO PR